

# Kabinet: Jawatankuasa bersama WPI tiada kuasa gubal dasar

UM - 14/6/2007

**PUTRAJAYA** 13 Jun - Kabinet hari ini mengesahkan Termā Rujukan bagi Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura mengenai Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) - ia tiada sebarang kuasa penggubalan dasar bagi pembangunan wilayah itu.

Sebaliknya, Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memberitahu jawatankuasa itu akan berfungsi sebagai pemudah cara bagi menyenangkan kerjasama antara kedua-dua negara untuk memastikan pelaksanaan bidang-bidang khusus yang telah ditentukan.

Menurut kenyataan itu, pada peringkat permulaan, jawatankuasa tersebut akan mengadakan perbincangan mengenai pembinaan laluan rel antara Johor Bahru dan Singapura serta peruntukan bagi perkhid-

**Ia akan berfungsi sebagai pemudah cara bagi menyenangkan kerjasama antara kedua-dua negara untuk memastikan pelaksanaan bidang-bidang khusus yang telah ditentukan**

matan feri dan teksi air.

"Ia juga akan membincangkan untuk memperkenalkan penggunaan kad pintar bagi memudahkan pergerakan keluar masuk penduduk WPI dan Singapura yang kerap berulang-alik antara kedua-dua kawasan," kata kenyataan itu.

Jawatankuasa itu juga, katanya, akan membincangkan aktiviti-aktiviti industri pelancongan bersama seperti cadangan memasukkan kunjungan ke tempat-tempat

menarik di WPI ke dalam pakej pelancongan Singapura.

Ia akan dipengerusikan bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi dan Menteri Pembangunan Nasional Singapura, Mah Bow Tan.

Kenyataan itu juga menyebut, dua lagi ahli tetap jawatankuasa tersebut ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan seorang lagi menteri dari Singapura yang akan ditentukan kelak.

Menurut kenyataan itu, menteri atau wakil kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan akan dijemput untuk menyertai sesi jawatankuasa tertentu jika diperlukan.

"Urus Setia bersama bagi jawatankuasa itu ialah Unit Perancangan Ekonomi (UPE) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) serta sebuah agensi Singapura yang berkaitan," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menambah, jawatankuasa tersebut akan bermesyuarat sekali setiap tiga bulan, tetapi pegawai dari kedua-dua negara akan mengadakan mesyuarat atau pertemuan sekerap yang perlu bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang telah dikenal pasti oleh jawatankuasa bersama itu.